



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 6 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PENTERNAK PANIK, 14 EKOR KAMBING MATI MENGEJUT, NEGARA, KOSMO -2 LAGI KUCING JADI KORBAN DI UM, LOKAL, HM -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	MARITIM TAHAN BOT NELAYAN MYANMAR, DALAM NEGERI, UM -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	11.2 TAN AYAM SEJUK BEKU SELUDUP JADI MAKANAN TERNAKAN IKAN KELI DI PENJARA, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	LPNM BANGUNKAN PUSAT PEMROSESAN SISA NANAS, MALAY.NEWS -ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6. 7.	KADA TERIMA RM20 JUTA BAIKI INFRAPERTANIAN TERJEJAS BANJIR, MALAY TRIBUNE -ONLINE KADA SECURES RM20mil TO REPAIR FLOOD-DAMAGED AGRICULTURE INFRASTRUCTURE, NST -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8. 9. 10. 11.	BINA SEGERA JETI BAGI KESELAMATAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM-35 TRADISI MASYARAKAT MELAYU MAMPU ATASI ISU KETERJAMINAN MAKANAN, RENCANA, UM -18 GIVE US PADI SEEDS ON TIME, WE'LL ADJUST PLANTING TIME, SAY FARMERS, NATION, THE STAR -5 PADI PRODUCTION UNDER THREAT, NATION, THE STAR -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Penternak panik, 14 ekor kambing mati mengejut

DUNGUN — Seorang penternak panik apabila 14 ekor kambing baka Boer peliharaannya tiba-tiba mati di Kampung Besol Lama, Bukit Besi di sini sejak minggu lalu.

Mina@Zulkifli Mat Husin, 58, berkata, kesemua kambing itu mati satu demi satu bermula Rabu minggu lalu menyebabkan dia kerugian lebih RM15,000.

"Pada mulanya, kambing-kambing tersebut kurang aktif dan hilang selera selain cirit-birit.

"Seterusnya, mimpi ngeri saya bermula dengan enam ekor kambing mati mengejut pada 1 Januari lalu, diikuti baki lapan ekor lagi beberapa hari kemu-

dian," katanya di Kampung Besol Lama, Bukit Besi di sini semalam. Menurutinya, kesemua 14 ekor kambing yang mati itu berusia antara dua hingga enam tahun dan telah matang untuk dipasarkan.

Katanya, seekor kambing betina bunting turut mati akibat penyakit sama kelmarin.

"Sampai sekarang saya tidak tahu puncanya. Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dua kali datang ke kandang untuk merawat kambing-kambing saya.

"Begitupun kematian tetap berlaku dan sekarang ini masih terdapat beberapa ekor kambing

ing kelihatan tidak bermaya," katanya.

Sebelum ini katanya, 10 ekor kambingnya juga pernah mati, menyebabkan dia kerugian lebih RM10,000 pada Ogos tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Besi, Ghazali Sulaiman berkata, JPV Terengganu telah mengambil sampel organ kambing ternakan Mina@Zulkifli yang telah mati untuk dianalisa bagi mengesan punca penyakit tersebut.

"JPV negeri memberi jaminan terus memberi rawatan bagi menyelamatkan baki 26 ekor kambing milik penternak itu yang masih selamat," katanya.



MINA@ZULKIFLI melihat dua bangkai kambingnya di Kampung Besol Lama, Bukit Besi, Dungun semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKLA
6/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	7

ADA SAKSI LIHAT ANJING MENYERANG

Lagi kucing jadi korban di UM

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Seekor lagi kucing mati selepas diserang anjing liar di dalam kawasan Universiti Malaya (UM) awal pagi kelmarin. Ketua Polis Daerah Bri-

ckfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood berkata, seorang wanita yang juga penuntut UM membuat laporan polis selepas dia bersama rakanranya melihat beberapa anjing menyerang seekor kucing di parkir pada jam 1.30 pagi. Menurutnnya, dia bersama rakan menghala anjing itu sebelum menda-

pati kucing terbabit sudah mati. "Pengadu kemudian menanang bangkai kucing itu dan membuat laporan po-

lis untuk rujuk kejadian kepada pihak UM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). "Tiada siasatan oleh pi-

"Tiada siasatan oleh pihak polis kerana kematian kucing adalah perbuatan anjing liar"

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood

hak polis kerana kematian kucing adalah perbuatan anjing liar," katanya dalam kenyataan, kelmarin.

Harian Metro kelmarin melaporkan kematian empat daripada lima kucing yang bangkai ditemukan di UM disahkan bukan perbuatan daripada perbuatan khianat manusia.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azry

Akmar Ayob dilaporkan berkata, hasil bedah siasat dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mendapati punca kematian an disebabkan gigitan haiwan dipercayai anjing liar.

Sebelum itu, polis menerima lima laporan berhubung penemuan bangkai kucing di universiti berkenaan sejak 17 Disember lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Maritim tahan bot nelayan Myanmar

KUALA SELANGOR: Dua bot dinaiki sekumpulan nelayan warga Myanmar ditahan pihak berkuasa selepas dikesan menangkap ikan secara haram di sekitar perairan daerah ini, kelmarin.

Penahanan bot Nelayan Tempatan itu dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor masing-masing pukul 3.05 petang dan 9.05 malam.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, perkara itu dikesan pihaknya yang menjalankan rondaan rutin penguatkuasaan Ops Ehsan, Op Murni dan Op Tiris di perairan Selangor.

“Penahanan pertama melibatkan bot kelas A di kedudukan 27.6 batu nautika barat daya Kuala Selangor. Pemeriksaan mendapati vesel itu melakukan aktiviti perikanan tanpa lesen sah atau lesen telah tamat tempoh.

“Selain itu, dua awak-awak warga Myanmar berusia 34 dan

42 tahun didapati tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya kepada pemberita, semalam.

Tambah Abdul Muhaimin, pihaknya turut menahan bot kelas B1 di kedudukan tujuh batu nautika barat daya muara Tanjung Karang.

“Seorang tekong bersama tiga kru warga Myanmar berusia 23 hingga 29 tahun yang mengendalikan bot itu ditahan bagi tindakan lanjut. Selain gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri, mereka beroperasi kurang dari lapan batu nautika dari daratan,” ujarnya.

Jelasnya, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959 antaranya atas kesalahan melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan tanpa lesen yang sah atau tamat tempoh.

“Kesemua nelayan itu bersama vesel dan hasil rampasan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin (PPM) Pulau Indah bagi tindakan lanjut,” katanya.

BOT yang dinaiki nelayan Myanmar ditahan di perairan Kuala Selangor, Selangor, kelmarin.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	KOSMO	NEGARA	18

11.2 tan ayam sejuk beku seludup jadi makanan ternakan ikan keli di penjara

RANTAU PANJANG ⁴ Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Negeri Kelantan menyerahkan sejumlah 935 kotak keratan ayam sejuk beku seberat 11,220 kilogram (kg) yang dilucutkan hak kepada Jabatan Penjara pada 30 Disember lalu.

Pengarah Maqis Kelantan, Syed Fuad Syed Putra berkata, keratan ayam sejuk beku yang bernilai RM6,620 itu diserahkan kepada Penjara Machang dan Penjara Pengkalan Chepa di Kelantan termasuk Penjara Marang, Terengganu dan Penjara Penor, Pahang.

Katanya, bahan mentah itu dijadikan makanan ternakan keli di bawah Program Rehabilitasi Banduan di penjara.

"Bahan mentah tersebut merupakan hasil sitaan pengimportan hasil haiwan yang telah dilucutkan hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan.

"Perkara itu selaras dengan Seksyen 11(1) dan Seksyen 13 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Katanya, Maqis berharap penyerahan itu dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan.

Katanya, Maqis Kelantan sentiasa menyokong inisiatif Jabatan Penjara dalam menjayakan Program Rehabilitasi Banduan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	MALAY.NEWS	ONLINE	

LPNM bangunkan Pusat Pemprosesan Sisa Nanas



Johor Bahru: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sedang membangunkan sebuah Pusat Pemprosesan Sisa Nanas di Rompin, Pahang dalam usaha untuk memperkukuhkan rantai industri nanas negara.

Pengerusi LPNM Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, pusat berkenaan yang dijangka beroperasi pada

suku pertama tahun ini dibangunkan menerusi Projek Perintis Pembangunan Industri Sisa Nanas dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2 juta disalurkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk pelbagai projek pembangunan berkaitan sisa nanas.

Beliau berkata menerusi projek itu juga, seramai lima pengusaha nanas menerima manfaat pemberian mesin penghancur sisa nanas dan lima pengusaha lagi menerima mesin mengekstrak benang nanas yang melibatkan beberapa negeri termasuk Sarawak.

Seterusnya Sheikh Umar berkata usaha yang dilakukan LPNM itu antaranya adalah bagi memperkasa program tuaian sisa nanas seiring dengan konsep "Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai" iaitu tuaian buah, tuaian benih dan tuaian sisa.

Tuaian sisa mengikut beliau merupakan dan antara contoh fokus utama LPNM dalam mengukuhkan rantai tuaian itu menerusi penghasilan 'pinapeat' yang merupakan produk separa pemprosesan dari sisa nanas yang telah melalui proses pengeringan.

LPNM-SISA NANAS (PUSAT) 2 JOHOR BAHRU

Sheikh Umar berkata pinapeat boleh digunakan untuk penghasilan pelbagai jenis produk akhir hiliran seperti kertas, makanan haiwan, medium bongkah cendawan dan pelbagai produk yang mampu menjana pendapatan tambahan kepada pengusaha.

"LPNM komited dalam memperkukuhkan lagi industri ini terutama dalam konteks pengurusan sisa yang antaranya dilakukan melalui pelaksanaan projek perintis seumpama ini.

"Bagi memastikan industri ini terus berkembang, LPNM perlu mengkomersialkan sisa nanas dan mampu untuk membekalkannya kepada pemain industri dalam kuantiti yang tinggi. Justeru, LPNM sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan termasuk inisiatif penggunaan mesin seperti 'Forage Harvester' dan pembinaan Pusat Pemprosesan Sisa Nanas.

"Ini semua akan membantu untuk mengeluarkan sisa-sisa nanas pada skala yang besar, sama ada dalam bentuk sisa basah, sisa kering dan serat supaya pemain industri boleh ambil, sekali gus memperkukuhkan lagi industri ini," katanya dalam temu bual bersama Bernama yang turut dihadiri Pengarah Bahagian Pembangunan Produk Dan Bioteknologi Elmie Adha Ismail di LPNM Johor di sini baru-baru ini.

Sheikh Umar dalam pada itu berkata LPNM sedang giat melaksanakan kerjasama melibatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan pelbagai pihak bagi membangunkan produk

berasaskan makanan dan bukan makanan dengan 13 kajian telah dan masih dalam pelaksanaan sejak 2021 hingga tahun lepas, sementara empat lagi dijangka akan dilakukan tahun ini.

LPNM-SISA NANAS (PUSAT) 3 (AKHIR) JOHOR BAHRU

Beliau berkata ia termasuk kajian bersama penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) bagi membangunkan '*pineapple leather*' dan 'kertas pulpa mentah' serta serat bersama Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

Sheikh Umar berkata LPNM turut memberi perhatian dalam membantu 250 usahawan Industri Asas Tani (IAT) dengan mempelbagaikan lagi pengeluaran produk makanan berasaskan nanas dan menambah baik kualiti serta inovasi dari segi penggunaan teknologi dan keunikan produk mereka.

"LPNM juga akan berusaha untuk meramaikan lagi pengusaha IAT bukan makanan, sejajar dengan fokus dan konsep tuaian ketiga yang kita perkenal.

"Usaha ini kita akan perembangkan dan diperkasa pada tahun-tahun mendatang khususnya apabila memasuki fasa Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) nanti dengan pelbagai permohonan bajet yang akan kita kemukakan kepada kementerian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata LPNM bertekad untuk meneruskan momentum kecemerlangan industri nanas tahun ini berdasarkan pencapaian nilai eksport produk nanas negara iaitu sebanyak RM899 juta setakat September lepas.

"Sebelum angka kumulatif diperolehi berakhir Disember 2024, LPNM menjangkakan nilai eksport produk nanas Malaysia ke luar negara bakal mencecah RM1 bilion," katanya.

Beliau menyatakan LPNM juga berjaya merekodkan pertambahan keluasan kawasan tanaman nanas sebanyak 1,674 hektar tahun lepas, sekali gus akan menambahkan lagi keluasan tanaman nanas kepada 18,275.7 hektar mengikut data berakhir pada tahun 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	MALAY TRIBUNE	ONLINE	

Kada terima RM20 juta baiki infrapertanian terjejas banjir



Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) mengesahkan telah menerima peruntukan RM20 juta bagi membaiki infrastruktur pertanian yang terkesan banjir di Kelantan, baru-baru ini.

Pengerusi Kada, Khalid Abdul Samad berkata, antara kerosakan yang dikenal pasti termasuk kerosakan pintu kawalan air di Pasir Mas dan Pasir Puteh.

Beliau berkata, banjir yang berlaku baru-baru ini bukan hanya merosakkan sebahagian besar tanaman padi tetapi juga kerosakan sistem dan infrastruktur.

“Kita kena cari jalan dan mengambil tindakan segera untuk mencari penyelesaian walaupun pendekatan yang bersifat sementara bagi memastikan bekalan air mampu disalurkan ke sawah untuk jadual penanaman musim depan atau sebelum April.

“Kada akan mengadakan pertemuan dengan Exco Pertanian, Industri, Agromakanan dan Komoditi dan Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar pada esok bagi membincangkan perkara ini,” katanya kepada pemberita pada Majlis Ramah Mesra Media Bersama Pengerusi Kada, di sini, malam ini.

Khalid berkata, pertemuan itu akan membincangkan berhubung pembinaan semula cerucuk penghadang yang roboh sebelum ini.

Menurutnya, kerajaan negeri sebelum ini telah memberikan kelulusan untuk membaiki struktur itu namun pada masa yang sama mahu pelbagai kajian dilakukan termasuk kesan kepada hakisan sungai.

“Jika kerajaan negeri dapat beri kelulusan segera, kita boleh baiki dalam kadar segera iaitu sebelum April bagi memastikan penanaman padi musim depan dapat dilakukan mengikut jadual kerana kita sudah ada dana.

“Kada juga telah menerima peruntukan berjumlah RM17 juta bagi pembelian kira-kira 150 unit pam yang akan digunakan untuk menyedut air ke sawah sebagai persediaan musim kemarau pada tahun ini,” katanya.

Khalid berkata, petani yang mengalami kerugian akibat bencana banjir akan dibantu menerusi dana bencana selain skim insuran takaful Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	NST	ONLINE	

Kada secures RM20mil to repair flood-damaged agriculture infrastructure



The Kemubu Agricultural Development Authority (Kada) has confirmed receiving an allocation of RM20 million to repair agricultural infrastructure damaged by recent floods in Kelantan. - NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BARU: The Kemubu Agricultural Development Authority (Kada) has confirmed receiving an allocation of RM20 million to repair agricultural infrastructure damaged by recent

floods in Kelantan.

Kada chairman Khalid Abdul Samad said identified damages include the water control gates in Pasir Mas and Pasir Puteh.

He said the floods not only destroyed a significant portion of padi fields but also severely affected irrigation systems and other infrastructure.

"We must find immediate solutions, even temporary measures, to ensure water supply can reach the fields in time for the next planting season, scheduled before April.

"Kada will hold discussions tomorrow with the State Agriculture, Agrofood and Commodities Committee chairman, as well as the State Infrastructure, Public Works, Water and Rural Development Committee chairman to address this matter," he told reporters at the 'Meet the Media' event hosted by Kada yesterday.

Khalid said the meeting would also discuss rebuilding the damaged riverbank piles.

He said while the state government had previously approved the repairs, additional studies on the impact of riverbank erosion are required.

"If the state government grants swift approval, we can commence repairs immediately, targeting completion before April to ensure the next padi planting cycle proceeds as planned. Funds are already available.

"Kada has also received RM17 million to purchase 150 water pumps to supply water to padi fields, anticipating this year's dry season," he added.

Farmers affected by the floods will be supported through disaster relief funds and takaful insurance schemes registered under Agrobank, he said. — BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Bina segera jeti bagi keselamatan nelayan

PONTIAN: Agensi berkenaan perlu segera membina jeti baharu di Pengkalan Nelayan Penghulu, Serkat, di sini bagi menjamin keselamatan nelayan dan orang awam yang melaluinya setiap hari.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Kukup, Datuk Jefridin Atan berkata, ini memandangkan ada bahagian jeti tersebut yang telah runtuh dan bimbang akan berlaku di bahagian lain.

Katanya, peruntukan sebanyak RM1 juta telah diluluskan oleh bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Allah-

yarham Datuk Seri Sallahudin Ayub ketika melawat kawasan tersebut pada tahun 2018.

Bagaimanapun katanya, oleh kerana terlalu lama projek tersebut tertangguh, kos pembinaanya meningkat kepada RM1.4 juta dan penyelia bagi projek tersebut ialah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Semasa perkara tersebut dibangkitkan pada mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JPTD) Pontian, ia dalam peringkat akhir penyediaan reka bentuk jambatan tersebut,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian Bakul Kasih Johor

di Kampung Sungai Burung, Pekan Nanas, di sini semalam.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* melaporkan komuniti nelayan di Pengkalan Penghulu, Serkat, mengakui kecewa apabila permohonan mereka mendapat sebuah jeti baharu belum tercapai walaupun sudah menanti sejak tujuh tahun lalu.

Menurut Bendahari Pakatan Nelayan Pangkalan Penghulu, Zaini Ali, jeti sedia ada telah rosak dan lebih 100 nelayan di pangkalan tersebut amat berharap jeti baharu dapat dibina tahun ini demi kemudahan dan keselamatan mereka membawa hasil tangkapan.



JEFRIDIN Atan (tengah) bersama penduduk Kampung Sungai Burung, Pekan Nanas dalam program penyampaian Bakul Kasih Johor di Pontian, Johor, semalam.

Tradisi masyarakat Melayu mampu atasi isu keterjaminan makanan

PANDANGAN
IKIM

Oleh
Norkumala Awang



SABAN tahun, Malaysia khususnya negeri-negeri di Pantai Timur sering berdepan dengan fenomena banjir terutamanya semasa musim monsun Timur Laut yang bermula dari November dan berlarutan sehingga Mac.

Justeru, masyarakat terus berhadapan dengan pelbagai cabaran dari segi keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan. Antara aspek yang kritikal dan perlu diberi perhatian ialah jaminan sekuriti makanan kerana manusia amat memerlukan makanan.

Dalam keadaan terdesak, amat penting untuk memastikan bahawa bekalan makanan yang selamat dan berkhasiat mencukupi untuk semua penduduk semasa dan selepas bencana banjir.

Bencana alam yang kerap melanda negara menyebabkan kerugian besar kepada harta benda dan kehidupan. Fenomena tersebut bukan sahaja mengancam sektor pertanian tetapi juga mengganggu sistem pengangkutan dan logistik yang menjejaskan sistem sekuriti makanan.

Tanaman yang musnah dan ternakan yang terancam boleh mengakibatkan kekurangan bekalan makanan. Manakala kerosakan pada infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan menghalang pengangkutan makanan ke kawasan yang terjejas. Ini menyebabkan harga makanan meningkat dan mengurangkan aksesibiliti kepada makanan yang berkhasiat dan mencukupi khususnya pada masa yang kritikal.

Dalam menghadapi cabaran ini, masyarakat Melayu tradisional di Malaysia telah mengembangkan kearifan tempatan yang kaya dengan pengetahuan dan amalan tradisional untuk memastikan kelangsungan hidup walaupun diancam dengan kesulitan semasa musim tengkujuh.

Sedar atau tidak, teknik pengawetan makanan yang sedia ada pada masa kini merupakan teknik yang telah



TEKNIK pengawetan makanan yang sedia ada pada masa kini merupakan teknik yang telah dimanfaatkan sekian lama oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai elemen kearifan tempatan dalam persediaan menjamin sekuriti makanan kala dalam fasa kesukaran.

dimanfaatkan sekian lama oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai elemen kearifan tempatan dalam persediaan menjamin sekuriti makanan kala dalam fasa kesukaran.

Pengawetan makanan melalui teknik fermentasi membolehkan makanan disimpan dalam jangka masa yang panjang dan masyarakat berupaya mendepani waktu musim hujan walaupun tidak mampu keluar mencari rezeki contohnya menangkap ikan dan bertani.

Mereka telah memastikan dan bersiap siaga menghadapinya dengan memastikan bekalan makanan mencukupi melalui persediaan sebelum musim banjir. Contoh makanan yang melalui hasil peraman seperti budu, tempoyak, ikan pekasam dan ikan kering.

Amalan ini bukan sahaja memastikan ketersediaan makanan tetapi juga menambah nilai pemakanan dalam diet harian contohnya budu merupakan sos bilis yang diperam dan kaya dengan pelbagai nutrien dan antioksidan. Tempoyak pula dapat memberikan nilai rasa dalam masakan.

Pekasam merupakan ikan yang diperam dengan garam dan beras panggang turut memberikan rasa unik dan mampu bertahan lama tanpa merosakkan kualiti ikan

tersebut. Teknik penyimpanan makanan tradisional seperti mengeringkan ikan, menjeruk sayur dan menyimpan beras dalam bekas kedap udara serta menginovasikan pelbagai jenis makanan menjadi juadah seperti keropok juga merupakan langkah membantu masyarakat memastikan makanan kekal selamat dan boleh dimakan semasa banjir. Amalan ini mengurangkan ketergantungan kepada bekalan makanan segar yang mungkin terputus semasa bencana.

Masyarakat Melayu juga menyediakan makanan tradisional yang tahan lama sebagai persediaan awal menghadapi musim tengkujuh contohnya lemak ubi kayu.

Amalan-amalan dalam pengurusan makanan masyarakat dahulu amat penting untuk dilihat

supaya ia menjadi pedoman malah mempunyai kaitan signifikan dan bermanfaat untuk kehidupan seharian. Amalan ini merupakan satu nilai kearifan tempatan yang bermanfaat, penuh dengan nilai-nilai baik dan satu bentuk kepandaian dalam mengatasi masalah yang timbul.

Bioteknologi moden menawarkan peluang besar untuk memperluaskan penggunaan penapaian dalam mencipta makanan baharu dan meningkatkan kelestarian pengeluaran makanan. Penapaian sebenarnya sudah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu. Amalan tradisional ini berkembang kerana ia membantu mengawet makanan, memanjangkan tempoh simpanan dan mengurangkan pembaziran.

Ini sangat penting bagi memastikan bekalan makanan keluarga mencukupi terutama semasa menghadapi situasi tertentu seperti musim tengkujuh atau semasa memerlukan pengangkutan jarak jauh. Penapaian menjadi strategi penting untuk penyimpanan makanan yang berkesan dan jaminan keselamatan makanan isi rumah.

Kearifan tempatan masyarakat Melayu tradisional turut merangkumi pengetahuan luas tentang

sumber alam dengan mengetahui jenis tumbuhan dan haiwan yang boleh dimakan serta kaedah mendapatkannya. Ini dapat memastikan sumber makanan alternatif tersedia apabila diperlukan.

Semangat gotong-royong dalam masyarakat Melayu akan memperkukuhkan lagi status sekuriti makanan dalam menghadapi fasa sukar yang perlu dilalui setiap tahun.

Komuniti bekerjasama dalam menyediakan bekalan makanan, membina struktur perlindungan dan memastikan kesejahteraan bersama semasa musim tengkujuh. Nilai kebersamaan ini memastikan tiada individu yang terpinggir dalam menghadapi cabaran musim tengkujuh.

Kesemua amalan tradisi ini mencerminkan adaptasi masyarakat Melayu terhadap persekitaran mereka dalam memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan komuniti walaupun menghadapi cabaran fenomena alam.

Inovasi makanan tradisional yang melalui proses pengawetan dapat mengelakkan pembaziran sekiranya berlaku lambakan. Justeru, inovasi ini perlu dimanfaatkan oleh masyarakat pada hari ini sebagai satu bentuk kesiapsiagaan menghadapi fasa ketidakpastian.

Dengan menggunakan kearifan tempatan Melayu yang dipadukan dengan teknologi moden, jaminan bekalan makanan dan keselamatan masyarakat dapat ditingkatkan dengan persediaan awal.

Pendidikan, kesedaran dan kerjasama antara semua pihak berkepentingan adalah kunci untuk memastikan kesejahteraan dan aksesibiliti makanan terjamin.

Dengan usaha bersepadu dan menghargai nilai kearifan tempatan, kita dapat membina masyarakat yang kalis ancaman bencana dengan memastikan stok makanan yang selamat dan berkhasiat sentiasa tersedia dan kesejahteraan masyarakat terpelihara.

NORKUMALA Awang ialah Fellow, Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Give us padi seeds on time, we'll adjust planting time, say farmers

PETALING JAYA: While farmers are all for the move to adjust the padi-planting schedule to skirt around adverse weather periods, they want the government to ensure there is no delay in the distribution of padi seeds.

"When padi seeds are received late, planting is delayed by up to three weeks. This results in the planting season overlapping with the flood and drought seasons, leading to suboptimal padi cultivation and losses," said Nurfitri Amir Muhammad, secretary of Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation (Pesawah).

He said timing is everything for successful cultivation.

"Originally, the planting schedule was set earlier to avoid the

floods and dry periods.

"However, delays in receiving seeds have disrupted this, causing planting to be pushed back and forcing farmers into less optimal seasons," he said in an interview.

The padi researcher, who is also chief coordinator of the Malaysian Food Security and Sovereignty Forum, said while rescheduling based on weather patterns is a positive step, this must be aligned with the supply of seeds and fertilisers to prevent a recurrence of problems.

"The planting schedule is tied to water release from dams, a process we can control, but the supply chain for seeds and fertilisers must also be efficient," he added. Besides logistical challenges,

Nurfitri highlighted the financial strain on padi farmers due to delayed assistance for crops damaged due to floods.

"Although aid is available, many farmers face delays of up to a year in receiving financial support. This has left them without the necessary capital to continue operations, forcing them to pause farming or incur debts.

"Small-scale farmers, in particular, are hit hard, with some even abandoning their fields," he said.

Nurfitri expressed concerns over the anticipated extended drought period for 2025, as forecast by the National Hydraulic Research Institute of Malaysia (Nahrin).

"With predictions of a prolong-

ed drought starting from March, there is a real worry about its impact on the new planting season," he said.

On the proposed five planting seasons within a two-year period, Nurfitri said it has potential for improvements in padi farming.

"If we can double the yield per hectare with a more proactive planting schedule, such as one updated annually based on weather forecasts and better agricultural input supply, there will be no need for five planting seasons over two years.

"Increasing the number of seasons will only add costs and risks without necessarily increasing the total yield, provided we can enhance yield per hectare," he

said, calling for strategic planning and efficient resource management to optimise padi production.

A second-generation farmer in Pasir Puteh, Kelantan, who only wanted to be known as Kamal, said he decided to stop planting padi on his 1ha farm after losing his entire crop to floods last September.

"I received government aid but it was not much and I just could not go on anymore. I sold one of my machines to clear some debts but I still have others to pay," he lamented.

Saying it was not easy for small-scale farmers like him to keep afloat in times of disasters, he added, "I think it is more viable for me to turn to other work."

Padi production under threat

Hard hit by drought followed by unprecedented floods, but there's a plan

By ALLISON LAI

allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: The nation's rice-producing belts have been reeling from a prolonged drought followed by unprecedented flooding.

For most parts of 2024, padi farmers in Kedah, Kelantan and Perlis had to grapple with the ravages of the weather, with crop damage resulting in loss of yield, putting national production at risk.

The worst is not over, according to the government.

The forecast for this year is an extended drought which threatens to compound the crisis facing the staple crop.

The Agriculture and Food Security Ministry has a strategy to combat the extremes of the climate and has called for "unified action across all sectors".

"Since we cannot control the weather, together we must fortify our defences against nature's unpredictability," its Deputy Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said in an interview yesterday.

"We must adjust to the climate changes occurring now, characterised by extreme weather patterns of severe droughts and floods."

He said remedial measures included upgrading critical infrastructure, turning to climate change-resistant padi varieties and preparing effective water management.

Kurup said the recent flooding in the country had affected 83,408 metric tonnes of padi, equivalent to 5.84 million 10kg packs of rice, raising concerns on national food security.

He said besides immediate relief, there were also long-term resilience plans, which included altering the planting season and developing climate-resistant padi varieties to address the pressing challenge of current and future climate disruptions.

As of November 2024, approximately 23,548ha of padi were damaged by floods, translating to 83,408 metric tonnes of the crop, Kurup said.

"When padi is processed into rice with a typical and standard conversion rate of about 70%, this results in 58,386 tonnes of rice,

which is equivalent to the 5.84 million packs of rice," he added.

Kurup said the local weather last year had been "extraordinarily unusual", with floods and the monsoon lasting for an extended period.

"Although we had forecasts from the Meteorological Department, we could never know the extent of the damage until it happens," he added.

Kedah and Kelantan are responsible for a significant portion of Malaysia's rice production, with Kedah being the largest rice producer with over 200,000ha of padi cultivation through the Muda Agricultural Development Authority (Mada), supplying over 40% of domestic demand. Kelantan is responsible for 12% of Malaysia's total rice production.

On infrastructure upgrades, Kurup said this was to ensure consistent and sufficient water supply.

"This includes improving irrigation systems and water drainage systems to manage water outflow effectively. Some ongoing

efforts include infrastructure work, such as clearing and cleaning drainage systems to restore water flow, as well as repairing pumphouses supplying water to padi fields," he added.

Kurup cited the National Hydraulic Research Institute of Malaysia's (Nahrin) forecast of extended droughts between 2025 and 2030 due to the El Nino phenomenon, followed by major floods between 2030 and 2035 as a result of the La Nina effect.

"We need cooperation from the various agencies and state governments that control land and waterways. It's not a one-ministry task," he said.

Kurup said the ministry was also working with farmers to adjust planting schedules and avoid farming during the monsoon and drought season.

"The schedule change is being coordinated through the Agriculture Department and the Irrigation and Drainage Department, with engagement at the district level with farmers."

He said using drought-resistant padi varieties, such as the MR297 and MRQ76, in the upcoming season in the first quarter of the year, was a game-changer as it could go up to a month without irrigation.

Kurup said there were ongoing efforts to develop more padi varieties resistant to climate change, such as the MR380, MR381 and MR382 varieties by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), which have a shorter maturation period and are resilient against climate change over a longer period.

"They are now at the lab studies phase, expected to be introduced next year after trial plot planting," he added.

The deputy minister said Mardi was also collaborating with several other countries involved in the Food and Agriculture Organisation's Benefit Sharing Fund under the United Nations.

"We are working with Indonesia, the Philippines and Laos which face similar issues with padi affected by floods. This joint

research aims to develop flood-resistant padi that can survive being submerged for up to 14 days by 2028," he said.

On the government's plans to have five planting seasons in two years, as announced under Budget 2025, Kurup said the ministry would provide an update on this later.

For now, the priority was to process and disburse all forms of assistance, collecting data and conducting necessary repairs and upgrades, he said.

He advised padi farmers to sign up for the Skim Takaful Tanaman Padi launched last September.

"By registering and starting their planting under this scheme, farmers are qualified to receive aid. Previously, assistance was limited to aid of up to RM1,800 per hectare depending on the crop's age, with younger crops receiving less. The new takaful scheme offers RM3,000 per hectare and covers all natural disasters, not just floods," he added.



Major effort: Shuib Ismail, 55, working at a padi field in Kedah.
— LIM BENG TATT/The Star